

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
 BILANGAN 2/1976.**

---

Syarat-syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan Terhadap  
 Pemberian Milik Tanah di Bawah Kanun Tanah Negara.

Didapati tanah-tanah yang diberi milik telah dikenakan syarat nyata dan sekatan kepentingan dengan menggunakan perkataan-perkataan "Si pemegang Lis" Tanah yang dibenarkan ini" dan "Pemohon". Pada pendapat saya penggunaan perkataan-perkataan ini tidak menetapi kehendak Kanun Tanah Negara.

2. Di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara perkataan "Alienate" adalah bermakna " " to dispose of state land in perpetuity or for a term of years ", dan perkataan " proprietor " adalah bermakna "Any person or body for the time being registered as the proprietor of any alienated land".

3. Oleh itu daripada tarikh surat ini diterima, perkataan-perkataan "Pemohon" janganlah digunakan lagi dalam syarat-syarat nyata dan sekatan kepentingan. Perkataan-perkataan di atas itu adalah seperti berikut:

- 1) Bagi perkataan-perkataan "Si Pemegang Lis" dan "Pemohon" hendaklah digantikan dengan perkataan-perkataan " Tuan tanah ini" atau " Tuan punya tanah ini".
- 2) Bagi perkataan-perkataan " Tanah yang dibenarkan ini "hendaklah digantikan dengan perkataan-perkataan "Tanah yang diberi milik ini".

Sekian.

t.t.  
 (DATO' LELA JASA)  
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
 TERENGGANU.

Bil. (105) dim PTG.TR. 174/59.

Kuala Terengganu: 24hb. April, 1976.